

**Dakwat kekal: Beza Nepal-M'sia**  
**Malaysiakini.com**  
**Apr 23, 2008**  
**Amin Iskandar**

Tanggal 10 April 2008 mencatat sejarah buat rakyat Nepal apabila mereka mengundi untuk memilih wakil rakyat dalam pilihanraya Dewan Perwakilan Rakyat yang pertama di negara itu.

Sehingga kini, Parti Komunis Nepal berfahaman Maoisme masih mendahului keputusan pilihanraya di seluruh Nepal, meninggalkan Parti Kongres Nepal, Parti Komunis Nepal berfahaman Marxisme-Leninisme dan parti-parti lain di belakang.

nepal election indelible ink 230408 casting voteKeputusan rasmi pilihanraya ini akan diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Nepal dalam jangka masa terdekat.

Saya bersama beberapa rakan dari Malaysia mewakili Institut Nasional Untuk Integriti Pilihanraya menyertai delegasi Asian Network for Free Election (ANFREL) seramai 100 orang dari 27 negara untuk memantau perjalanan pilihanraya yang bersejarah itu.

Pilihanraya ini penting untuk Nepal kerana ia akan menentukan hala tujunya pada masa akan datang. Antara keputusan radikal yang akan dibuat di dewan perwakilan nanti ialah menukar Nepal yang sebelum ini mengamalkan Sistem Beraja Mutlak kepada sebuah negara republik.

Ertinya, selepas ini Raja Gyanendra akan menjadi rakyat biasa tanpa apa-apa keistimewaan. Dalam kalangan rakyat bawahan, kebencian terhadap Raja telah berada di tahap kemuncak. Beberapa penduduk ditemui di kawasan pedalaman di daerah Saptari memberitahu penulis bahawa Nepal tidak memerlukan lagi sistem beraja.

Pada pendapat mereka, raja terbukti tidak dapat melakukan apa-apa ketika rakyat menderita. Raja terus kaya sedangkan rakyat Nepal miskin dan kebanyakannya terpaksa bekerja di luar negara untuk meneruskan kehidupan dan membantu keluarga.

Pada pilihanraya kali ini, saya bertugas di daerah tersebut yang terletak di bahagian timur Nepal berhampiran sempadan India. Pusat pentadbiran bagi daerah Saptari dinamakan Rajbiraj.

nepal election indelible ink 230408 shantyApabila sampai di Rajbiraj pada 6 April, saya terkejut melihat suasana lengang dan hampir semua kedai ditutup. Apabila dijelaskan oleh penterjemah, barulah saya maklum bahawa "hartal" (boikot secara total) sedang berlangsung untuk memulaukan pilihanraya 10 April.

Menurut penterjemah lagi - beliau orang tempatan - "hartal" dianjurkan oleh beberapa kumpulan ekstremis puak Madhesi yang tidak bersetuju dengan pilihanraya oleh kerana kerajaan masih lagi tidak mahu menunaikan beberapa tuntutan mereka.

Di Nepal, terdapat dua puak utama: Pahari yang berwajah mirip orang China/Mongolia dan Madhesi yang berwajah mirip orang India.

Oleh kerana "hartal" sedang berjalan di Saptari, hanya satu hotel yang dibuka. Walaupun kemudahan dan keselesaan tidak seberapa, Hotel Star telah menjadi pusat kediaman

beberapa kumpulan pemantau antarabangsa termasuk dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Dalam pilihanraya ini, penggunaan dakwat kekal menarik perhatian saya. Walaupun Nepal baru sahaja selesai konflik dan masih terdapat beberapa kumpulan ekstremis bersenjata yang tidak bersetuju dengan pilihanraya, Suruhanjaya Pilihanraya Nepal meneruskan penggunaan dakwat kekal sebagai satu cara untuk mengelak berlakunya pengundian berulang.

nepal election indelible ink 230408 finger(foto kanan: sisa-sisa dakwat di Nepal masih melekat di kuku penulis selepas 10 hari)

Pada hari pilihanraya, sejak awal pagi lagi kelihatan ramai rakyat beratur untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi. Di Saptari, walaupun berlaku "hartal" untuk memboikot pilihanraya, kelihatan ramai rakyat di kesemua tempat mengundi yang dilawati.

Pemboikotan pilihanraya yang dianjurkan oleh beberapa kumpulan ekstremis bersenjata puak Madhesi seakan-akan langsung tidak mempengaruhi pengundi di daerah tersebut - rakyat tidak kira tua dan muda berpusing-pusing ke tempat mengundi.

Penggunaan dakwat kekal berjalan lancar tanpa sebarang insiden yang tidak diingini. Terbukti bahawa penggunaan dakwat kekal diterima oleh rakyat Nepal dan meningkatkan kepercayaan mereka terhadap perjalanan pilihanraya. Penerimaan ini termasuklah di kawasan-kawasan pedalaman yang mempunyai majoriti rakyat tidak berpendidikan.

Apabila menyaksikan kejayaan pilihanraya di Nepal dan penggunaan dakwat kekal, terlintas di fikiran saya mengenai apa yang berlaku di Malaysia empat hari sebelum pilihanraya umum ke-12. Pada ketika itu pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) kita membatalkan penggunaan dakwat kekal beralasan isu keselamatan.

nepal election indelible ink 230408 applying the inkMenurut Abdul Rashid Abdul Rahman, SPR terpaksa membatalkan cadangan itu setelah mengambil kira laporan keselamatan yang mereka terima. Laporan keselamatan mendedahkan bahawa terdapat pihak tertentu di Malaysia yang telah membeli dakwat tersebut di luar negara.

Pihak tersebut dikatakan merancang untuk mencalitkan dakwat itu pada kuku pengundi di kawasan luar bandar bagi menimbulkan kekeliruan dan syak wasangka mengenai status pengundi berkenaan.

Menurut Abdul Rashid lagi, jika pengundi itu hadir untuk membuang undi pada hari pilihanraya, sudah tentu ia akan menimbulkan keraguan dalam kalangan ejen calon dan petugas SPR mengenai status pengundi tersebut. SPR juga mengatakan bahawa penggunaan dakwat kekal bercanggah dengan Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan.

Sementara ketua polis negara Musa Hassan yang turut bersama-sama dalam sidang akhbar bagi membatalkan penggunaan dakwat kekal berkata bahawa polis sedang menyiasat empat kes membabitkan empat orang individu berlainan yang disyaki cuba melakukan penipuan dakwat kekal.

Keempat-empat lelaki berkenaan, yang bekerja sendiri dan berusia 20 hingga 33 tahun, sedang disiasat kerana cuba menipu.

"Modus operandi mereka ialah pergi ke kampung-kampung untuk mencalitkan dakwat pada kuku pengundi dan mereka memberitahu pengundi kononnya tanpa dakwat itu mereka tidak boleh mengundi.

"Kami mengklasifikasikan kes ini sebagai cubaan menipu dan bahagian jenayah perdagangan sedang menyiasat," katanya. (Utusan Malaysia, 5 Mac)

polling day 080308 ling hee leong observing ballot box Sehingga hari ini masih lagi belum kedengaran nasib empat lelaki yang ditahan oleh polis kerana cubaan menipu dengan menggunakan dakwat kekal. Apa kata Musa Hassan tentang ini? Bilakah polis akan mendedahkan hasil siastan mereka?

Jika benar terdapat empat individu yang ingin melakukan penipuan dakwat kekal, apakah rakyat Malaysia terlalu bodoh sehingga boleh ditipu dengan begitu mudah? Jika rakyat Nepal yang tinggal di kawasan pedalaman dan kurang berpendidikan tidak ada sebarang masalah untuk menggunakan dakwat kekal, apa masalahnya dengan rakyat Malaysia?

Jika dibandingkan dengan Nepal, situasi keselamatan di Malaysia jauh lebih baik, "ibarat langit dan bumi".

Apa kata anggota SPR yang menyaksikan perjalanan pilihanraya di Nepal pada 10 April lalu?

Mungkinkah persoalan ini boleh ditujukan kepada timbalab pengerusi SPR Wan Ahmad Wan Omar yang mengepalai delegasi SPR ke Nepal baru-baru ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news//81847>